

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH: 28.11.2024 MASA: 1.00PM**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA**  
**BIL.4/2024**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**29 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)**  
**08.45 PAGI**

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT**  
**MENARA BANDARAYA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, kita amat bersyukur dan segala puji-pujian syukur dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana pada hari ini, dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam Perhimpunan Korporat Bil.4/2024.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih di atas penglibatan semua Ahli-Ahli Majlis MBSP yang hadir pada hari ini; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan MBSP dan seluruh warga kerja MBSP yang hadir pada pagi ini.
3. Kejayaan Organisasi bukan hanya bergantung kepada kepimpinan tertinggi organisasi tetapi kepada penat lelah dan usaha bersama kakitangan daripada bawahan. Setiap daripada kita mempunyai sumbangan yang tersendiri dan tidak terlepas dengan tugas dan tanggungjawab.
4. Selain itu, kita juga perlu mempunyai sikap mentaliti yang berintegriti, amanah dan berakauntabiliti supaya apa yang ditugaskan itu

dilaksanakan dengan telus dan betul. Cabaran kita sebagai sebuah PBT iaitu bagaimana untuk memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan memberikan penekanan kepada aspek penyelesaian isu rakyat.

5. MBSP tidak boleh bekerja dalam tapok lama. Kita perlu seiring dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang mana ianya menumpukan ke arah:

- i. Penghayatan Nilai dan Tatakelola
- ii. Pembangunan Modal Insan
- iii. Pembangunan Organisasi
- iv. Penyampaian Perkhidmatan
- v. Memperkasakan sinergi awam dan swasta.

6. Kita semua gembira dengan pengumuman penyelarasan gaji. Kenaikan gaji yang kita semua akan terima pada bulan hadapan bukanlah bonus tahunan tetapi adalah kenaikan dalam gaji pokok yang hadir bersama *performance indicator*. Ini menunjukkan bahawa anggota perkhidmatan awam termasuk kita perlu melakukan satu anjakan baru dalam perkhidmatan dengan membentuk budaya kerja yang dinamik dan berorientasikan kepada prestasi. Tugas dan tanggungjawab kita akan dinilai oleh Ketua Organisasi, Ketua-Ketua Jabatan atau pegawai-pegawai kanan tuan-tuan dan puan-puan. Saya

berharap agar setiap daripada kita tidak memandang enteng perkara ini.

7. Sinergi Madani yang diketengahkan oleh kerajaan bertujuan untuk memperkukuhkan perkhidmatan awam dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta menjadikan kita semua sebagai agen perubahan dan mencipta masa hadapan yang lebih cemerlang. PBT merupakan tulang belakang kepada kesejahteraan rakyat. Saya berharap agar semua Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan menjadi agen perubahan ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih cekap, pantas dan profesional seperti yang disarankan oleh Ketua Setiausaha Negara kita dan diharapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
8. Bagi tahun 2025, saya ingin membawa semua ke arah menjadikan MBSP sebuah Perbandaran Madani. Perbandaran Madani merujuk kepada penjenamaan semula MBSP bagi mencipta nilai tambah kepada perkhidmatan organisasi. MBSP perlu diperkasa dan diperkukuhkan dengan membuat penambahbaikan di dalam sistem dan proses. Idea-idea baru dan penyelesaian kreatif perlu diperbanyakkan lagi untuk menghadapi cabaran perkhidmatan masa kini.
9. Kita harus mempergiatkan dan memperbanyakkan kerjasama strategik bagi menjayakan Perbandaran Madani agar standard perkhidmatan

berada pada tahap cemerlang. Kita telah menyusun 10 keutamaan strategik dalam Pelan Strategi dan *Corporate Priorities* kita untuk tahun hadapan dan diterjemahkan pelaksanaannya menerusi program antaranya seperti berikut;

- i. Mengemaskini Pelan Induk Basikal
- ii. Insiatif Bandar Pintar
- iii. Mewujudkan kawasan tarikan pelancongan
- iv. Tandas BMW
- v. Menyediakan elemen *Business Ready*
- vi. Menyediakan Garis-Garis Panduan baru dari segi Pembangunan, Perancangan, dan Penguatkuasaan MBSP.

10. Justeru, saya berharap setiap seorang daripada kita akan bersedia dengan apa sahaja perubahan yang bakal dilaksanakan dan bersama-sama memacu untuk kejayaan MBSP. Idea-idea inovasi perlu diperbanyakkan lagi untuk memudahkan tugas harian kita dan memberikan yang terbaik untuk pemegang taruh kita. Ada proses kerja yang boleh ditambahbaik dan dipercepatkan. Kita kena ingat bahawa pemegang taruh kita terdiri daripada pelbagai latar belakang. Mereka inginkan perkhidmatan yang pantas, cekap dan profesional. Sebagai contoh, untuk menjadikan MBSP sebuah organisasi *Business Ready*, kita perlu melihat soal kecepatan dan ketersediaan perkhidmatan memandangkan "*Time Is Cost*". Masa itu adalah kos bukan sahaja

kepada pelabur atau agensi swasta tetapi juga pada setiap *stakeholders* kita.

11. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga MBSP di atas beberapa kejayaan yang kita telah perolehi sepanjang tahun 2024. Antaranya:

- i. Bersempena dengan Hari Terbuka Psikologi dan Akrab Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 12 November 2024, MBSP telah menerima Anugerah AKRAB Organisasi. Sementara bagi Kategori Video Pendek AKRAB tempat pertama telah dirangkul oleh Jabatan Lanskap MBSP dan tempat kedua oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.
  
- ii. MBSP telah menyertai pertandingan inovasi peringkat kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 dan telah berjaya memenangi Anugerah Inovasi Ketua Menteri Pulau Pinang Tahun 2024 iaitu daripada Jabatan Kejuruteraan : INFLOSS, bagi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2024, tempat ketiga dalam kategori ICT daripada Bahagian Keselamatan Komuniti -eFIZ 2.0 dan naib johan kategori bukan ICT terdiri daripada Jabatan Kesihatan- Ops *Cross Sharpshooter* sebagai Johan dan OSC- SPEED menjadi Naib Johan.

- iii. MBSP juga telah berjaya menerima Anugerah Tertinggi *Safety Excellence Elite Award* dalam penilaian pada kali ini. Majlis Penyampaian Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sektor Awam (MSOSH-CUEPACS) ke - 42 telah diadakan di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya, Selangor pada 11 November 2024. Penyertaan Anugerah MSOSH adalah kali kedua bagi MBSP dan merupakan penyertaan pertama bagi kategori Sektor Awam – CUEPACS. Dalam Majlis yang sama, saya juga tidak menyangka MBSP telah terpilih untuk menerima anugerah *Leadership In Occupational Safety and Health Excellence*. Tahniah kepada Bahagian Keselamatan & Kesihatan pekerjaan, Jabatan Kesihatan dan Unit Kualiti, Jabatan Korporat.
  
- iv. *Waste Management Recognition Award 2024* oleh *Waste Management Association of Malaysia (WMAM)* bagi *Kategori Green Leadership* kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 2 Oktober 2024 bagi mengiktiraf pencapaian MBSP dalam membuat inovasi berterusan dalam Pengurusan Sisa Pepejal di Seberang Perai. Tahniah Jabatan Perbandaran.
  
- v. MBSP telah dianugerahkan *SDG City Awards* pada 19 November 2024 bagi tema *Inclusive City* atas pelaksanaan program TRAFIESTA. Jabatan Kejuruteraan telah menghantar



penyertaan *SDG City Awards* melalui projek *Traffic Management Contribution in Commercials* di bawah Program TRAFIESTA. Program *SDG City Awards* merupakan inisiatif yang dianjurkan oleh CityNet dan ESCAP untuk mengiktiraf usaha-usaha bandaraya dalam mencapai SDG. Program ini telah berlangsung sempena Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ke-44 di Iloilo City, Filipina. *SDG City Awards* telah menerima 74 kajian kes dari rantau Asia Pasifik dan TRAFIESTA telah berjaya disenarai pendek sebagai salah satu daripada 14 pencalonan akhir *SDG City Awards*.

vi. Bagi Karnival Sukan Seberang Perai baru-baru ini, Tahniah diucapkan kepada pasukan hoki MBSP yang telah mendapat tempat ke dua dalam pertandingan tersebut. Tahniah juga kepada pasukan bola sepak MBSP yang telah menyertai Karnival Sukan MALA Tahun 2024 walaupun berakhir di tangga ke Sembilan daripada 27 buah PBT yang mendapat mata bagi seluruh Malaysia.

12. Di sini, saya ingin menyeru semua kakitangan Majlis supaya memberi sokongan penuh kepada semua program-program MBSP seperti *Seberang Perai Cycling Day* yang akan diadakan pada 21 Disember 2024 di Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, Nibong

Tebal dan juga terima kasih kerana menyokong Program MBSP *Weight Loss Challenge* Tahun 2024 bagi kakitangan Majlis. Untuk program *Weight Loss Challenge*, terdapat peningkatan daripada 230 orang pada tahun 2023 kepada 431 kakitangan pada tahun 2024. Kedua-dua program ini merupakan satu program *work life balance* kepada semua kakitangan di samping mewujudkan persaingan sihat dan merapatkan ukhwah antara kakitangan. Saya difahamkan pada hari ini kita akan mengumumkan pemenang sebentar lagi.

13. Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tuan Setiausaha Bandaraya bersama ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai jabatan yang telah berjaya menyiapkan soalan DUN. Jumlah soalan yang diterima oleh MBSP adalah sebanyak 201. Soalan bertulis sebanyak 182 dan Soalan Lisan sebanyak 19. Terima kasih kepada penyelaras, Jabatan Khidmat Pengurusan dan khususnya kepada Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai Majlis di atas usaha tuan-tuan dan puan- puan terutamanya mengorbankan waktu hujung minggu tuan-tuan dan puan-puan untuk menjawab soalan DUN. Saya amat hargai, terima kasih dan tahniah semua.

14. Suka saya ingatkan di sini, bahawa sebagai sebuah Kerajaan Tempatan atau PBT, MBSP merupakan agensi yang sangat dekat dengan rakyat. Segala tindak tanduk kita akan diperhatikan terutamanya dalam aspek pemberian perkhidmatan kepada semua

masyarakat. Warga kerja MBSP sebenarnya bertugas di seluruh Seberang Perai sama ada di pejabat mahupun di lapangan. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan tindakan dan perilaku kita mencerminkan dasar dan pelbagai pencapaian yang telah kita perolehi selama ini terutama dalam hal keselamatan dan integriti. Kita perlu menjadi juara di hati rakyat, justeru menjadikan MBSP sebuah Perbandaran Madani bukan hanya sekadar retorik dengan pelbagai sijil ISO dan lain-lain sijil yang kita ada.

15. Berita gembira yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ni iaitu pemberian bonus sebanyak setengah bulan gaji dan minimum RM1000 akan diberikan kepada semua penjawat awam negeri Pulau Pinang dapat memangkin kita semua untuk lebih bersemangat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih inklusif, adil dan mesra rakyat.

16. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Natal buat semua kakitangan yang menganut agama kristian dan selamat melayari tahun 2025 yang akan datang, insyaallah.

**Sekian, terima kasih. *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***